

Perkasa integriti, tadbir urus lahir generasi benci rasuah



Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum Dan Pembangunan Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**
bhrencana@bh.com.my

Kita perlu mengakui negara berhadapan masalah defisit integriti dan tadbir urus sangat kritikal dalam semua sektor. Bilangan kes disiasat pihak berkuasa dan individu didakwa di mahkamah membuktikan rasuah serta penyelewengan menjadi lumrah dan berakar umbi.

Oleh itu, kita perlu fokus usaha membanteras rasuah dan meningkatkan amalan tadbir urus dari peringkat akar umbi dengan memberi keutamaan kepada aspek pencegahan.

Walaupun mengambil masa, perancangan jangka panjang memberi pulangan lumayan satu hari kelak. Jangan lupa kota Rom tidak dibina dalam satu hari.

Dalam konteks ini, pihak berkuasa perlu memberi perhatian lebih kepada usaha memperkasa integriti dan tadbir urus dalam kalangan belia yang akan mewarisi kepemimpinan dan kecemerlangan negara.

Usaha menerapkan kesedaran dan proses pencegahan bersepadu perlu bermula dari peringkat sekolah hingga ke universiti, kemudian diteruskan majikan di organisasi awam serta swasta supaya akhirnya kita mampu melahirkan generasi mem-

benci rasuah dan membudayakan amalan tadbir urus baik dalam kehidupan seharian.

Program berbentuk memupuk kesedaran masalah tadbir urus dan rasuah perlu diperbanyakkan di sekolah serta universiti baik secara formal mahupun tidak formal melalui pelaksanaan program pemerksaan sahsiah diri.

Anak-anak perlu disedarkan tadbir urus baik dan integriti adalah budaya serta gaya hidup betul dan sebagai warganegara bertanggungjawab, kita tidak boleh bertoleransi dalam aspek ini walau apa keadaan sekalipun.

Pada peringkat organisasi pula, perlu ada usaha berterusan mencegah dan membanteras rasuah serta meningkatkan amalan tadbir urus baik. Antara prinsip utama amalan tadbir urus baik wajar diamalkan setiap organisasi adalah menitikberatkan kepentingan nilai moral dan etika tinggi dalam kalangan warga kerja.

Organisasi perlu memastikan setiap komponen barisan pekerja dalam organisasi daripada lapisan pengurusan atasan hingga ke bawah memiliki dan mengamalkan etika serta budaya kerja tinggi berpaksikan nilai murni demi penyampaian perkhidmatan cemerlang.

Setiap organisasi juga perlu telus dalam proses pembuatan keputusan mahupun dalam aspek perkongsian maklumat kepada semua pihak berkepentingan. Ini menzahirkan aspek keterbukaan dalam

amalan tadbir urus baik.

Selain itu, pemimpin organisasi perlu bersedia, sanggup dan berani dalam memberikan penjelasan kepada pemegang taruh terhadap apa jua tindakan dalam pelaksanaan sesuatu tugasan.

Umumnya, amalan tadbir urus baik boleh memastikan budaya defisit integriti seperti gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dapat diminimumkan, pandangan minoriti diambil kira serta suara golongan tidak menonjol didengar dalam proses pembuatan keputusan.

Dalam konteks lebih global, Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menggariskan tiga prinsip utama tadbir urus baik, iaitu keberkesanan, akauntabiliti dan keterangkuman.

Kerajaan ketika ini juga memberi perhatian serius terhadap konsep alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) untuk memacu kecemerlangan negara dalam pelbagai bidang. Antara aspek penting dalam ESG ialah amalan tadbir urus diangkat sebagai kayu ukur utama dalam mengukur kecemerlangan organisasi dan negara.

Justeru, prasyarat utama menjadikan negara hebat dan gagah ialah kita perlu memberikan perhatian serius untuk mencegah rasuah serta salah guna kuasa dari peringkat akar umbi, selain memperkasa aspek tadbir urus baik pada semua peringkat lapisan masyarakat.